

## Pengetahuan dan Kefahaman Skop Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+)

Rozita Radhiah Said\*, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md. Sabil

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Transformasi yang berlaku di seluruh dunia ekoran daripada arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat pada hari ini telah banyak mengubah cara manusia belajar tentang bahasa. Sehubungan dengan itu, kajian tinjauan deskriptif ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah terhadap skop pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu (SISC+ BM) pada abad 21. Hal ini bertepatan dengan peranan dan fungsi jawatan SISC+ BM di bawah inisiatif sub NKRA GTP 1.0 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu bertujuan memartabatkan Bahasa Melayu (MBM). Para pegawai ini ditugaskan untuk memantau dan membimbing guru-guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang berprestasi rendah serta berada dalam Band 6 dan Band 7. Maka tahap pengetahuan dan kefahaman skop bidang pengajaran dan pembelajaran berkaitan mata pelajaran sangat penting. Kajian ini menggunakan borang soal-selidik 55 item sebagai instrumen. Kenyataan dan pembinaan soal selidik dalam kajian ini disesuaikan untuk guru mata pelajaran Bahasa Melayu dengan merujuk kepada Standard 2 (Pengetahuan dan Kefahaman) Model Standard Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). Malah turut diambil kira permasalahan serta sorotan literatur Kemahiran Belajar Abad 21, KPM, PPPM. Analisis data statistik menjelaskan frekuensi berdasarkan peratusan dan min tahap pengetahuan dan pemahaman yang ditentukan oleh skala sela. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa dengan min 4.7 dan sisihan piawai .510 pemboleh ubah pengetahuan dan kefahaman skop bidang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah berada pada tahap tinggi. Kajian lanjut berkaitan pengetahuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ini pula perlu diteruskan untuk melihat sejauhmanakah pula pelaksanaannya. Ini kerana peranan dan tanggungjawab para pegawai SISC+ kelak akan menjadi semakin penting demi memartabat serta mendaulatkan Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Persepsi dan pemahaman, jurulatih pakar pembangunan sekolah (SISC+ BM), mata pelajaran Bahasa Melayu

### Abstract

Transformation happening throughout the world today as a result of globalization and the explosion of information technology has greatly changed the way people learn about language. The educational system in general and classroom's T & L specifically needs to be upgraded to balance the needs of Malay language as the national language. Consequently, a descriptive survey was conducted to identify the level of knowledge and understanding the scope of teaching and learning of Malay Language among the Trainer Development School Specialists for Malay Language (SISC + BM) of the 21<sup>st</sup> century. This is in line with the role and function of the SISC + BM post under the initiative of sub-NKRA GTP initiative 1.0 of the Malaysian Education Blueprint (2013-2025), which seeks to uphold the Malay language (MBM). The officers elected are assigned to monitor and assist Malay language teachers in underperforming schools with Band 6 and Band 7. The level of knowledge and understanding the scope of teaching and learning is very important. A questionnaire was used as the instrument for this study. The statement and the construction of the questionnaire were modified for Malay

\* Corresponding author: [radhiahrozita@upm.edu.my](mailto:radhiahrozita@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

Language subject with reference to the Second Standard (Knowledge and Understanding) of the Standard Model of Malaysian Teachers, Ministry of Education (2009). The literature review of the 21<sup>st</sup> century Learning Skills Standards, MOE, MEB was taken into account for this purpose. The overall findings show that with a mean of 4.7 and a standard deviation of .510, the knowledge and understanding the scope teaching and learning of the Malay language variables among the School Improvement Specialist Coaches is at a high level. Further studies related to knowledge of teaching and learning of the Malay language should be continued since the roles and responsibilities of these officials are essential in upholding the dignity and sovereignty of the Malay language in the future.

**Keywords:** Knowledge, understanding of teaching and learning, development school improvement specialists coaches for Malay Language (SISC + BM), Malay Language

---

## PENGENALAN

Pemantapan pembangunan profesional merupakan faktor kritikal dalam usaha meningkatkan kualiti serta pengaruh guru di dalam bilik darjah (Roslee Talip, 2011). Dalam hal ini, program pembangunan profesionalisme yang berterusan serta relevan dijangka mampu memainkan peranan utama yang cukup berkesan terhadap penambahbaikan pengurusan sekolah, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta peningkatan faedah perkongsian kepakaran antara guru-guru. Cansdale (2010) mendapati bahawa pengaruh pembangunan profesionalisme keguruan terhadap penambahbaikan amalan pengajaran secara keseluruhannya menunjukkan kemajuan yang ketara dalam amalan pengajaran apabila guru meningkatkan kepakaran dalam kandungan subjek, strategi pengajaran dan pengurusan unsur-unsur penting yang lain dalam pengajaran. Dalam konteks ini, Program Bimbingan dan Pementoran oleh Pegawai SISC+ menerusi inisiatif Transformasi Pendidikan Daerah (DTP) diharap dapat memantapkan kualiti P&P Abad 21 dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Dengan kata lain, pembangunan profesionalisme keguruan secara bersemuka diharap dapat memberikan kesan ketara terhadap cara guru mendapatkan maklumat berkaitan isi kandungan mata pelajaran, memperoleh strategi dan kemahiran pengajaran yang baharu, cara bekerja dengan rakan sejawat dan kebolehan menganalisis serta merancang pembelajaran profesional mereka.

Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP), seorang pegawai SISC+ bertanggungjawab untuk membimbing antara 20-25 orang guru dalam satu tahun semasa. Rasional penetapan jumlah SOP ini ialah supaya setiap pegawai SISC+ dapat mengenal pasti guru yang benar-benar memerlukan bimbingan dan pementoran. Program bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan bukan bertujuan untuk melonjakkan prestasi keputusan peperiksaan secara drastik sebaliknya memberi fokus terhadap amalan P&P di dalam bilik darjah agar seiring dengan keperluan dan tuntutan pada abad 21 ini. Maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau pengetahuan isi kandungan dan kefahaman dalam kalangan pegawai SISC+ BM itu sendiri berkaitan P&P Bahasa Melayu sama ada selaras dengan kehendak transformasi pendidikan negara dalam pelaksanaannya.

Peranan dan fungsi jawatan SISC+ ataupun dikenali sebagai Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches*) telah dimulakan oleh KPM sejak awal tahun 2011 di bawah inisiatif sub NKRA GTP 1.0. Guru-guru yang terpilih (sebahagian besarnya adalah merupakan kalangan Guru Cemerlang) telah diberikan latihan dalam bentuk kursus kepada "*master coaches*". Guru-guru yang telah mendapat latihan ini seterusnya akan ditugaskan untuk memantau dan membimbing guru-guru di sekolah-sekolah yang berprestasi rendah serta berada dalam Band 6 dan Band 7. Dalam setahun, mereka perlu ke sekolah yang dipantau sekurang-kurangnya tiga kali bagi tujuan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh sekolah serta memikirkan program intervensi / pemulihan yang boleh dijalankan di sekolah tersebut bersama-sama dengan pentadbir dan guru-guru sekolah. Program ini telah diadakan secara berperingkat, dan secara separuh masa oleh guru-guru cemerlang dalam membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi akademik mata pelajaran.

### *Penyataan Masalah*

Berdasarkan dapatan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK), dalam tempoh tiga tahun belakangan ini (2011 sehingga 2013), kualiti P&P masih belum menyerlah. Secara keseluruhannya daripada 30,564 jumlah pelajaran yang diperhatikan, hanya 983 pelajaran (3.22%) mencapai tahap cemerlang dan 4,339 pelajaran (14.2%) berada pada tahap baik. Sejumlah 25,242 lagi (82.59%) hanya mencapai prestasi pada tahap harapan, memuaskan, lemah, dan sangat lemah. Pada tahun 2011, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi telah menjalankan kajian kualiti pengajaran guru. Daripada pemerhatian terhadap 125

pengajaran di 41 sekolah di seluruh Malaysia, didapati hanya 12 peratus (%) daripada pengajaran disampaikan pada standard yang tinggi, iaitu mengaplikasi banyak amalan terbaik pedagogi, manakala 38% lagi mencapai standard yang memuaskan. Sebaliknya, 50% daripada pengajaran yang dicerap dalam kajian ini tidak disampaikan dengan memuaskan. Pengajaran tidak melibatkan murid sepenuhnya apabila guru lebih bergantung pada kaedah syarahan yang pasif dalam menyampaikan kandungan mata pelajaran. Guru lebih memberikan tumpuan kepada usaha memastikan murid memahami kandungan asas mata pelajaran bagi tujuan pentaksiran sumatif daripada menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi. Sebagai contoh, murid lebih berkemungkinan diuji keupayaan mengingati fakta (70% daripada semua pemerhatian pengajaran) berbanding menganalisis dan mentafsir data (18%), atau mensintesis maklumat (15%). Maka atas sebab ini juga jawatan baharu Pegawai SISC+ diwujudkan yang antara lain berperanan untuk membimbing sejumlah guru (minimum 20 orang dan maksimum 30 orang) untuk tempoh setahun. SISC+ bebas untuk merancang bagaiman proses bimbingan yang bakal dilaksanakan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk meninjau pengetahuan dan kefahaman pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan jurulatih pakar pembangunan sekolah (SISC+). Manakala secara khusus kajian ini dibuat untuk,

1. mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman pegawai SISC+BM terhadap skop pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

### *Kajian Kepustakaan*

Sorotan literatur terhadap beberapa kajian mendapati bahawa guru-guru sangat memerlukan pemantapan terhadap profesion mereka untuk satu jangka masa panjang dan berterusan. Pengaruh pembangunan profesionalisme keguruan terhadap penambahbaikan amalan pengajaran guru secara keseluruhannya menunjukkan kemajuan yang ketara dalam amalan pengajaran apabila guru-guru meningkatkan kepakaran dalam kandungan subjek, strategi pengajaran dan pengurusan unsur-unsur penting yang lain dalam pengajaran. Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid (2005), kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Amalan P&P yang berkesan merujuk kepada keupayaan guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) serta mendalami isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar. Selain itu, guru juga perlu mengetahui kebolehan murid menerima pelajaran, memberi motivasi kepada murid supaya belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan murid, mengumpulkan murid mengikut kumpulan dan memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada mereka. Dengan kata lain, P&P yang berkesan merupakan kebolehan guru itu sendiri untuk mengajar dengan baik dan berkesan serta dapat memotivasikan murid untuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kenneth 2006); menggunakan bahasa yang jelas dan mudah, penerangan yang jelas dengan sokongan contoh-contoh berkaitan, memberi penekanan pengajaran kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba di kaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu atau yang sedia ada. Manakala BBM pula mesti digunakan secara terancang, efektif dan praktikal bagi membantu menerangkan sesuatu konsep. Selain itu, objektif pelajaran perlu jelas dan khusus, isi kandungan pelajaran bernas dan mencukupi. Pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian, ujian atau peperiksaan.

Program bimbingan bersemuka khas kepada guru berkeperluan bertujuan menjadikan aspek P&P di dalam bilik darjah lebih menarik dan berkesan dengan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Pada dasarnya, SISC yang sebahagian besarnya dilantik dalam kalangan guru cemerlang telah dimulakan secara berperingkat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di dua negeri perintis, iaitu Kedah serta Sabah pada 2012. Melihat kepada keberkesanan program SISC yang telah dijalankan, KPM kemudian mewujudkan jawatan baharu dikenali sebagai SISC+ mulai 2014 dengan pelaksanaan program serupa merangkumi semua negeri di seluruh negara. Peranan utama SISC+ ini adalah untuk memberi latihan, terutamanya kepada guru mata pelajaran ketika proses P&P di dalam kelas merangkumi tiga subjek teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Bidang tugas SISC+ antara lain adalah untuk membimbing guru berkenaan dalam aspek pedagogi, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) selain menjadi penghubung antara pihak KPM dengan sekolah. Melalui pelaksanaan SISC+ ini, guru yang dibimbing (GDB) akan didedahkan kepada bimbingan proses P&P di dalam bilik darjah menjurus kepada pembelajaran abad ke-21 dan bukan kaedah lama seperti menulis dan menerangkan kepada murid secara *talk and chalk* sahaja. Guru-guru juga akan ditekankan mengenai kaedah yang bukan berorientasikan peperiksaan semata-mata, sebaliknya lebih kepada

membimbing mereka melaksanakan P&P di dalam kelas untuk disesuaikan dengan pendekatan pemikiran inovatif *i-Think* dan KBAT (KPM 2012).

## METODOLOGI

Kajian tinjauan deskriptif ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman skop pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan borang soal-selidik sebagai instrumen. Kenyataan dan pembinaan 55 item soal selidik dalam kajian ini disesuaikan untuk pegawai SISC+ BM dengan merujuk kepada Standard 2 (Pengetahuan dan Kefahaman) Model Standard Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). Malah turut diambil kira ialah permasalahan serta sorotan literatur berkaitan skop bidang Kemahiran Belajar Abad 21, KPM, PPPM. Skala Likert 5 tahap persetujuan dibangunkan bagi mewakili diri peserta dengan memberi respons bagi satu siri kenyataan tentang tahap persetujuan mereka.

Analisis data statistik akan menjelaskan kekerapan berdasarkan peratusan dan min tahap pengetahuan dan pemahaman yang ditentukan oleh skala sela. Data kajian akan dianalisis secara deskriptif manakala pembentangan data menggunakan jadual peratusan dan kekerapan taburan. Populasi kajian dalam kajian ini terdiri daripada semua pegawai SISC+ Bahasa Melayu seluruh negara iaitu berjumlah 180 orang. Maklumat berkaitan para pegawai ini diperoleh daripada KPM dengan surat kebenaran daripada EPRD. Persampelan atau saiz sampel untuk menjalankan kajian rintis adalah berdasarkan kepada formula saiz sampel Cochran (1977).

## DAPATAN KAJIAN

Pengkaji menggunakan perisian SPSS untuk membantu menganalisis data kajian. Analisis driskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, sisihan piawai dan skor min bagi menjelaskan hubungan yang wujud antara pemboleh ubah. Skor min diinprestasikan berdasarkan Pallant (2010). Skala likert 5 mata dibahagikan berdasarkan tahap dengan panjang sela yang sama menggunakan formula, tahap =  $(n/3)$ . **Jadual 1** menunjukkan pengukuran tahap yang digunakan oleh Pallant (2010).

JADUAL 1:  
Tahap Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2010)

JADUAL 2:  
Menunjukkan Skor Min dan Sisihan Piawai

Soal selidik	Skor Min	SP	Tahap
Mengenal Pasti Pengetahuan dan Kefahaman Pegawai Pakar Mata Pelajaran Bahasa Melayu (SISC+BM) Terhadap Skop P&P Mata Pelajaran Bahasa Melayu yang diajar.	4.49	.413	Tinggi

Berdasarkan **Jadual 2**, keseluruhan dapatan analisis soal selidik menunjukkan nilai tahap pengetahuan dan kefahaman pegawai pakar berkaitan skop P&P mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi iaitu  $M=4.49$  dan sisihan piawai (SP) = .41355.

Manakala **Jadual 3**, menunjukkan skor min item yang paling tinggi ialah *guru sebagai pembimbing* dengan nilai min 4.75, (SP= .462). Dapatan yang kedua tertinggi ialah pemilihan isi kandungan mata pelajaran BM dengan nilai min 4.65 (SP= .504). Item ini menunjukkan kekerapan untuk sederhana 2 (1.3%), baik 49 (31.4%), dan cemerlang 102 (67.2%). Kajian ini menunjukkan bahawa sejumlah 81% pegawai SISC+ BM mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap kehendak sukatan dan kurikulum pengajaran Bahasa Melayu. Mereka juga tahu dan faham serta boleh menerangkan semua 55 item dalam soalan soal selidik dengan yakin betul serta boleh mengemukakan contoh yang sesuai dan tepat berkaitan setiap item. Taburan kekerapan pula

menunjukkan, jumlah responden memilih skala nilai tidak tahu berjumlah 2 (1.3%), skala baik 34 (22.2%) dan skala cemerlang 117 (76.5%). Kajian ini juga mendapati kebanyakan item responden secara umumnya menunjukkan 'baik'. Nilai min yang terendah adalah item *murid kurang upaya* dengan nilai min 4.13, (SP=.893). Kajian ini menunjukkan bahawa skala lemah 1 (0.7%), kurang baik 9 (5.9%), sederhana 19 (12.4%), baik 64 (41.8%), dan cemerlang 60 (39.2%).

JADUAL 3:

Jadual Dapatan Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Pegawai Mata Pelajaran Bahasa Melayu (SISC+BM) terhadap Skop Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Item	Keterangan Skala				
	1	2	3	4	5
1-55	<b>Lemah</b> (Tidak tahu dan tidak boleh menerangkan dengan contoh)	<b>Kurang Baik</b> (Tahu tetapi tidak yakin sama ada betul atau salah)	<b>Sederhana</b> (Tahu tetapi tidak boleh menerangkan dengan contoh)	<b>Baik</b> (Tahu serta boleh menerangkan dengan contoh yang sesuai)	<b>Cemerlang</b> (Tahu dengan yakin betul dan boleh mengemukakan contoh dengan tepat)

Item /Skala	1	2	3	4	5	Min	SP
Falsafah Pendidikan	1 0.7%	0	1 0.7%	61 39.9%	90 58.8%	4.56	.582
Falsafah Pendidikan Guru	1 0.7%	1 0.7%	3 2.0%	73 47.7%	75 49.0%	4.43	.636
Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu (BM)	1 0.7%	8 5.2%	5 3.3%	60 39.2%	79 51.6%	4.35	.832
Takrif, Matlamat dan Objektif Bahasa Melayu dalam Pendidikan	1 0.7%	2 1.3%	2 1.3%	68 44.4%	80 52.3%	4.46	.659
Etika Perkhidmatan Awam	1 0.7%	3 2.0%	2 1.3%	78 51%	69 45.1%	4.37	.678
Tonggak Dua Belas	1 0.7%	4 2.6%	5 3.3%	81 52.9%	62 40.5%	4.30	.717
Tatasusila Profesion Keguruan	1 0.7%	1 0.7%	1 0.7%	66 43.1%	84 54.9%	4.50	.618
Nilai KBSR/KBSM	1 0.7%	1 0.7%	5 3.3%	64 41.8%	82 53.6%	4.47	.659
Falsafah KBSR	1 0.7%	4 2.6%	9 5.9%	69 45.1%	70 45.8%	4.32	.759
Falsafah KBSM	1 0.7%	5 3.3%	13 8.5%	66 43.1%	68 44.4%	4.27	.804
Pembelajaran masteri	0	2 1.3%	4 2.6%	70 45.8%	77 50.3%	4.45	.617
Pembelajaran koperatif	0	1 0.7%	3 2.0%	60 39.2%	89 58.2%	4.54	.572
Aplikasi kecerdasan pelbagai	0	0	4 2.6%	70 45.8%	79 51.6%	4.49	.551

Kajian masa depan	0	1 0.7%	4 2.6%	68 44.4%	80 52.3%	4.48	.586
Pembelajaran konstruktivisme	0	2 1.3%	2 1.3%	74 48.4%	75 49.0%	4.45	.595
Pembelajaran kontekstual	0	2 1.3%	2 1.3%	68 44.4%	81 52.9%	4.55	.524
Kemahiran belajar	0	0	2 1.3%	64 41.8%	87 56.9%	4.58	.533
Kemahiran berfikir	0	0	3 2.0%	58 37.9%	92 60.1%	4.41	.590
Kemahiran TMK	0	2 1.3%	2 1.3%	80 52.3%	69 45.1%	4.41	.590
Kemahiran fasilitator	0	0	4 2.6%	61 39.9%	88 57.5%	4.54	.549
Kemahiran mentaksir dan menilai dalam mata pelajaran BM	0	2 1.3%	4 2.6%	56 36.6%	91 59.5%	4.54	.617
Penggunaan sukatan pelajaran BM dan huraian sukatan pelajaran BM dalam pengajaran dan pembelajaran	0	0	4 2.6%	48 31.4%	101 66%	4.63	.534
Isi kandungan mata pelajaran BM	0	0	5 3.3%	47 30.7%	101 66%	4.62	.548
Perkembangan terkini dalam mata pelajaran BM	0	0	4 2.6%	55 35.9%	94 61.4%	4.58	.544
Kaitan mata pelajaran BM yang diajarkan dalam kehidupan seharian	0	0	2 1.3%	48 31.4%	103 67.3%	4.66	.501
Pemilihan isi kandungan mata pelajaran BM			2 1.3%	49 31.4%	102 67.2%	4.65	.504
Strategi penyebatan dan penggabungjalinan dalam mata pelajaran yang sama	0	0	1 0.7%	55 35.9%	97 63.4%	4.62	.498
Strategi penyebatan dan penggabungjalinan antara mata pelajaran	0	0	1 0.7%	59 38.6%	93 60.8%	4.60	.504
Kepelbagaian murid	0	1 0.7%	1 0.7%	49 32%	102 66.7%	4.64	.531
Murid kurang upaya	1 0.7%	9 5.9%	19 12.4%	64 41.8%	60 39.2%	4.13	.893
Kepelbagaian budaya murid	0	3 2.0%	3 2.0%	73 47.7%	74 48.4%	4.42	.635
Jelas dan mahir dengan pendekatan, kaedah,	0	2 2.0%	0	59 38.6%	92 60.1%	4.57	.570

strategi dan teknik dalam  
pengajaran dan pembelajaran  
BM

Mengaitkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran bahasa dengan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran BM	0	3 2.0%	0	80 52.3%	70 45.8%	4.41	.602
Penggunaan bahasa standard dan sesuai	0	2 1.3%	0	52 34%	99 64.7%	4.62	.562
Guru sebagai pembimbing	0	0	2 1.3%	34 22.2%	117 76.5%	4.75	.462
Kepelbagaian bentuk pentaksiran dan penilaian	0	1 0.7%	1 0.7%	55 35.9%	96 62.7%	4.60	.540
Pelaksanaan pentaksiran dan penilaian secara berterusan	0	1 0.7%	2 2.0%	58 37.9%	92 60.1%	4.57	.558
Tujuan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian	0	1 0.7%	3 2.0%	57 37.3%	92 60.1%	4.56	.570
Mengumpul maklum balas dan membuat tindakan susulan	0	1 0.7%	1 0.7%	65 42.5%	86 56.2%	4.54	.549
Kepelbagaian aktiviti pengukuhan	0	1 0.7%	3 2.0%	60 39.2%	89 58.2%	4.54	.572
Kepelbagaian aktiviti pemulihan	0	1 0.7%	0	67 43.8%	85 55.6%	4.54	5.37
Kepelbagaian aktiviti pengayaan	0	0	1 0.7%	62 43.8%	90 58.8%	4.58	.508
Pengurusan suasana fizikal, sosial dan emosi bilik darjah	0	2 2.0%	2 2.0%	62 40.5%	87 56.9%	4.63	.496
Pelaksanaan peraturan dan rutin/prosedur	1 0.7%	2 1.3%	2 1.3%	58 37.9%	90 58.8%	4.52	.659
Pengurusan tingkah laku murid	0	2 1.3%	2 1.3%	62 40.5%	87 56.9%	4.52	.596
Menginterpretasi sesuatu peristiwa/ tindakan secara terperinci	0	3 2.0%	2 1.3%	77 50.3%	71 46.4%	4.41	.623
Menilai kekuatan dan kelemahan diri	0	1 0.7%	3 2.0%	62 40.5%	87 56.9%	4.53	.573
Mempelajari sesuatu daripada peristiwa atau pengalaman	0	1 0.7%	1 0.7%	51 33.3%	100 65.4%	4.63	.534
Kepelbagaian kaedah integrasi TMK dalam pengajaran dan pembelajaran	0	3 2.0%	1 0.7%	80 52.3%	69 45.1%	4.40	.611

Etika penggunaan TMK	0	3 2.0%	3 2.0%	88 57.5%	59 38.6%	4.32	.615
Penggunaan media	0	3 2.0%	3 2.0%	80 52.3%	67 43.8%	4.37	.628
Penggunaan sumber	0	4 2.6%	2 1.3%	68 48.4%	74 48.4%	4.45	.658
Kaedah pentaksiran dan penilaian	0	5 3.3%	8 5.2%	86 56.2%	54 35.3	4.44	.583
Penyelidikan tindakan	0	5 3.3%	8 5.2%	86 56.2%	54 35.4%	4.23	.695
Strategi pengesanan potensi murid	0	5 3.3%	4 2.6%	70 45.8%	74 48.5%	4.39	.699
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.49</b>	<b>.413</b>

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman pegawai SISC+ berkaitan skop P&P mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Justeru, dapatan ini bersesuaian dengan peranan pegawai iaitu dipertanggungjawabkan memberi bimbingan berfokus kepada guru-guru bahasa Melayu dalam daerah dan negeri masing-masing. Pengetahuan, pemahaman dan kepakaran para pegawai diharap dapat memberi impak positif kepada guru yang dibimbing (GDB). GDB dikira telah mencapai tahap cemerlang jika mencapai skor 3 bagi setiap elemen P&P yang tercatat dalam Borang Matriks Skor Bimbingan Guru (TCT). Adalah lebih baik jika guru yang diselia dapat mengekalkan momentum kecemerlangan malah mampu pula berkongsi ilmu mengajar dan disebarkan kepada rakan sejawatan, sama ada di sekolah sendiri atau berkongsi dengan sekolah-sekolah yang lain. Secara keseluruhannya, pengetahuan dan kefahaman para pegawai ini berkaitan skop bidang P&P mata pelajaran yang diajar mengukuhkan dapatan Kenneth (2006), bahawa guru perlu tahu dan faham isi kandungan mata pelajaran serta mahir menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik untuk pembelajaran berimpak positif. Maka untuk tujuan tersebut bimbingan pegawai SISC+ diharap dapat memenuhi keperluan guru-guru yang dibimbing ke arah pemantapan proses P&P dalam skop mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi merealisasikan transformasi pendidikan negara para pegawai SISC+ BM mesti mampu mempamerkan ciri-ciri kekuatan teori, kaya ilmu, sentiasa berusaha, meningkatkan kualiti hasil pengajaran, berkebolehan menilai kekuatan dan kelemahan guru-murid, melengkapkan diri dengan kemahiran yang sejajar dengan keperluan semasa dan berupaya membentuk perwatakan guru yang dibimbing supaya turut cemerlang. Dengan kata lain, guru berkualiti selalunya mempamerkan tahap kecemerlangan dan dimensi profesionalisme yang tinggi, menterjemah kurikulum, berkemahiran dan berketerampilan, ketinggian peribadi dan sentiasa bersedia meningkatkan profesionalisme.

Manakala untuk tujuan pemantapan profesionalisme guru pula, dapatan kajian Abdul Rahim Abdul Rashid (2005) dan Roslee Talip (2011) serta Othman, N., & Mohamad, K.A. (2014), menyokong dengan menyatakan bahawa kualiti pengajaran adalah satu tahap atau keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar dengan cara dibimbing, dilatih atau didedahkan dengan kaedah pengajaran yang berkesan untuk satu jangka masa tertentu dan berterusan. Maka adalah bertepatan dan wajar pihak BPG dan KPM mewujudkan jawatan baharu dikenali sebagai SISC+ mulai 2014 dengan pelaksanaan program serupa merangkumi semua negeri di seluruh negara. Peranan utama SISC+ ini adalah untuk memberi latihan, bimbingan dan pementoran terutamanya kepada guru yang memerlukan pendedahan berterusan berkaitan proses P&P di dalam bilik darjah. Melalui pelaksanaan program bimbingan dan pementoran ini juga sekolah-sekolah yang berada di bawah band 5 dapat dibantu malah guru-gurunya akan didedahkan kepada konsep, idea, kaedah, teknik, strategi pengajaran yang terkini iaitu menjurus kepada pembelajaran abad 21.

Faktor guru dan sekolah adalah indikator penting berkaitan keberkesanan sekolah dan pencapaian murid dalam pelajaran (SKPM, 2003). Dalam meramalkan tahap pencapaian individu setiap murid, pengaruh demografi tidak sekuat pengaruh pemboleh ubah kualiti guru seperti kelayakan penuh daripada segi pensijilan, latihan dalam bidang perguruan serta pengalaman-pengalaman guru tersebut berkaitan mata pelajaran yang diajar (Othman, N., & Mohamad, K.A. (2014)). Dapatan ini juga mengukuhkan pernyataan bahawa terdapat dalam kalangan



guru Bahasa Melayu yang masih mempunyai sikap ketidakyakinan kepada diri sendiri, takut serta negatif menerima perubahan kerana mereka lebih selesa mempraktikkan kaedah lama yang bersandarkan buku teks, nota edaran atau menulis pada putih sahaja.

Menurut Kenneth & Kohler (2006), Syed Ismail Syed Mustafa et.al (2013), profesionalisme perguruan bukan sahaja merujuk kepada sikap profesional dalam institusi pendidikan, tetapi ia bersifat menyeluruh. Sebagai seorang guru atau pendidik yang cemerlang, kesepaduan tiga elemen penting iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai menjadikan seorang guru itu seimbang. Ini adalah penting kerana seorang guru mestilah menguasai ilmu yang diajar kepada murid-muridnya. Untuk keberkesanan proses pengajaran, guru perlu menggunakan kemahiran-kemahiran yang sesuai supaya transformasi ilmu berjalan dengan lancar. Penerapan nilai-nilai yang baik juga penting supaya murid juga tahu nilai-nilai kemanusiaan yang baik dan murid juga perlu dibentuk menjadi manusia yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial sepertimana yang dinyatakan dalam FPK.

Sebagai cadangan, bagi memastikan peranan guru Bahasa Melayu menjadi lebih berkesan, maka guru bukan sahaja perlu diperakui mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum syarat pelantikan guru malah latihan dalam perkhidmatan untuk peningkatan yang berterusan perlulah didedahkan kepada mereka bagi memperkukuh kualiti guru daripada segi kualiti verbal, kualiti ilmu, menguasai metodologi pengajaran, menguasai kemahiran pemilihan bahan pengajaran, pembelajaran profesional sendiri, minat belajar dan mempunyai kemahiran menyoal. Kajian-kajian lanjutan berkaitan P&P bilik darjah yang lebih maju dan berimpak positif perlu dikaji bagi memperkaya khazanah pendidikan bahasa agar murid-murid lebih menghargai bahasa malah memperkuat jati diri bangsa Malaysia. Sumbangan kajian ini secara keseluruhannya diharap mampu menjadi asas kepada para pendidik, para pengkaji bahasa, pencinta bahasa, pihak pentadbir sekolah, pihak Kementerian Pendidikan, ibu bapa dan juga masyarakat seluruhnya agar tidak jemu-jemu bermuzakarah dan sentiasa mencari idea serta penyelesaian ke arah pencapaian pendidikan yang lebih cemerlang.

## KESIMPULAN

Bidang pendidikan berhadapan dengan masa depan mencabar yang memerlukan perancangan rapi, sistematik dan holistik. Walaupun impak Program Bimbingan dan Pementoran yang telah dilaksanakan belum menampakkan hasil yang menyeluruh kerana baharu mencecah 3 tahun pelaksanaannya, namun secara keseluruhannya, Program Bimbingan dan Pementoran ini dilihat mampu untuk meningkatkan kualiti P&P dan profesionalisme guru-guru. Tanggungjawab pegawai SISC+ bukanlah sesuatu yang mudah kerana mengubah tingkah laku dan persepsi guru memerlukan tempoh yang panjang dan konsisten. Oleh hal yang sedemikian, program ini perlu diteruskan sebelum kita dapat menuai hasilnya. Pada masa yang sama, pegawai-pegawai SISC+ juga perlu bersiap siaga dan terus memantapkan ilmu pedagogi sebagai bekalan untuk melaksanakan bimbingan dan pementoran kepada para guru mata pelajaran Bahasa Melayu yang dibimbing.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2005). *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Pendidikan Guru. (2010). *Memperkasakan Pendidikan Guru ke Arah Pendidikan Berkualiti*. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM untuk Sekolah Menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum: Kuala Lumpur
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, ISBN 978-983-9661-20-0
- Kenneth D.M (2006). *Classroom Teaching Skills*. Mc Graw-Hill Higher Education, Hill Companies
- Kohler, M. et.al. (2006) *Quality Teaching: View from the Profession*. Volume 40. Number 3, February
- Othman, N., & Mohamad, K.A. (2014). Thinking skill education and transformational progress in Malaysia. *International Education Studies*, 7(4), 27-32. doi:10.5539/ies.v7n4p27
- Roslee Talip (2011). Keperluan program pemantapan profesionalisme keguruan. *Utusan Borneo*, 21.09.2011
- Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Shubki Miskin (2013). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*. Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd